

09/02/2002

Kemelut PBRs: Kurup terima keputusan Pendaftar Pertubuhan

KOTA KINABALU, Jumaat - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) pimpinan Tan Sri Joseph Kurup hari ini bersetuju menerima sebarang keputusan Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS) berhubung masalah dalaman parti itu.

Mesyuarat itu bagaimanapun tidak dihadiri lima Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) parti itu yang mengisytiharkan `berkecuali' semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat di Hotel Berjaya Palace petang ini, Kurup berkata, persetujuan menerima keputusan ROS itu dibuat selepas semua anggota MT yang hadir mendengar penjelasannya mengenai perjalanan kongres ketujuh PBRs bulan lalu.

"Saya memberi penjelasan kepada mereka kandungan laporan yang dihantar kepada ROS dan semua memutuskan bersetuju mematuhi keputusan yang dibuat pihak berkenaan," katanya.

Mesyuarat itu dihadiri 15 daripada 22 ahli MT yang terpilih pada kongres lalu.

Mengenai kedudukan lima Adun berkecuali itu, Kurup enggan mengulas lanjut kerana belum berpeluang berjumpa mereka bagi membincangkan masalah yang dihadapi parti.

Sementara itu, Ketua Penerangan PBRs, David Tiengin, mewakili ahli MT yang hadir melafazkan pendirian untuk tetap bersama Kurup bagi menghadapi kemelut PBRs sekarang.

Krisis dalaman PBRs memuncak ketika kongres ketujuh parti itu bulan lalu selepas berlaku kekecohan ketika pemilihan jawatankuasa, menyebabkan dua Presiden `diisytiharkan' oleh kumpulan masing-masing.

Selain Kurup yang menang tanpa bertanding sebagai Presiden, Dr Jeffery Kitingan turut `diisytihar' menang tanpa bertanding oleh penyokongnya.

Dalam pada itu, Dr Jeffrey berkata, langkah berkecuali yang diambil tujuh ahli MT termasuk lima Adun adalah tindakan positif ke arah penyelesaian pertikaian itu.

"Sebagai ahli politik mereka perlu menyatakan pendirian masing-masing supaya tidak timbul kekeliruan di kalangan ahli," katanya ketika dihubungi di sini.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko), Tan Sri Bernard Dompok, berkata, usaha mewujudkan parti tunggal mewakili masyarakat Kadazandusun dalam Barisan Nasional (BN) mendapat persetujuan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, ia terserah kepada semua pemimpin politik kaum itu merealisasikan hasrat berkenaan.

"Saya berpeluang berbincang dengan Pengerusi BN mengenai perkara ini dan beliau bukan saja tidak membantah, malah menggalakkannya.

"Berdasarkan faktor itu, Upko bersedia berbincang dan bergabung dengan parti komponen BN lain bagi mewujudkan parti tunggal kaum Kadazandusun," katanya dalam ucap utama Majlis Pertabalan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Upko di Hotel Pacific Sutera di sini, malam tadi.

Sebelum ini, Upko dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) mengadakan beberapa siri perbincangan bagi menggabungkan kedua-dua parti itu.

Bagaimanapun, Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata berikutan krisis dalam PBRs sekarang, perbincangan itu terpaksa dihentikan untuk sementara waktu.

Pada masa sama, Upko menghormati pendirian Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menyatakan parti itu tidak layak menyertai perbincangan mewujudkan

parti tunggal bagi mewakili kaum Kadazandusun.
(END)